

18 Ogos 2016

KENYATAAN MEDIA

*oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)*

KEBAKARAN DI GERTAK SANGGUL BERLAKU SELEPAS KERJA-KERJA PAIP SELESAI

- Kerja-kerja penyambungan paip di stesen pam Pasir Belanda yang baru telah siap dan bekalan air disambung semula jam 5.30 petang Selasa, 16 Ogos 2016.**

PULAU PINANG, Rabu (18/8/2016): Kerja-kerja penyambungan paip air di stesen pam Pasir Belanda yang baru pada Selasa lalu, (16/8/2016) telah selesai sebelum kebakaran di Gertak Sanggul dilaporkan berlaku jam 6.00 petang.

Pada Selasa lalu, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) melaksanakan penyambungan paip 300mm x 150mm untuk menambah baik bekalan air ke kawasan tanah tinggi di Pasir Belanda.

Untuk membolehkan penyambungan berkenaan, gangguan bekalan air telah dijadualkan di kawasan-kawasan berikut:

Jalan Gertak Sanggul, Bandar Baru Teluk Kumbar, Kampung Paya, Kampung Masjid, Kampung Sepakat, Kampung Sulup, Pasir Belanda dan Kampung Gertak Sanggul.

Sebelum itu, notis awal mengenai gangguan bekalan air hari Selasa itu telah diedarkan oleh pekerja PBAPP kepada 2,600 kediaman yang terlibat.

Perkhidmatan bekalan air ke semua kawasan yang terlibat itu telah disambung semula bermula jam 5.30 petang.

Kami bersimpati dengan nasib mangsa kebakaran, bagaimanapun, kami perlu menjelaskan bahawa kejadian kebakaran itu berlaku bukan



Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

disebabkan oleh kekurangan bekalan air di kawasan berkenaan.

Surat Rasmi untuk Memaklumkan Balai Bomba mengenai Kerja-kerja Paip hujung minggu ini

Gangguan bekalan air berjadual akan berlaku bermula jam 10.00 malam Sabtu (20/8/2016) sehingga 8.00 pagi Ahad (21/8/2016) di kawasan-kawasan berikut:

- Sungai Tiram ke Pekan Bayan Lepas;
- Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang;
- Simpang Permatang Damar Laut ke Kampung Seronok/Kampung Binjai; dan
- Simpang Permatang Damar Laut ke Teluk Kumbar dan Gertak Sanggul.

Memandangkan kerja-kerja paip akan dilaksanakan di lokasi-lokasi di atas pada hujung minggu ini, PBAPP akan menghantar surat rasmi kepada Balai Bomba Bayan Baru hari ini bagi membolehkan pihak Bomba menyediakan pelan kontingensi yang sewajarnya.

Terima kasih.

*Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Chief Executive Officer,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)*

Hubungi : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my